

BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
"Rumah Ku, Syurga Ku"



BIL: 3/2001

ISSN 0128-5912

NASKAH PERCUMA

* MEI-JUN 2001



Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama pasukan yang berprestasi dalam pertandingan akhir Street Soccer Perumahan Awam DBKL di Sri Perak, Bandar Baru Sentul

PRIHATIN MASALAH PERUMAHAN GOLONGAN MISKIN

Wan Abdullah Ghani

DBKL prihatin dengan masalah perumahan yang semakin meruncing di kalangan penghuni berpendapatan rendah dan sederhana. DBKL lebih menumpukan pembinaan rumah kos rendah untuk disewa sahaja kepada orang awam dengan harapan dapat mengembangkan stok perumahan awam kos rendah untuk mereka yang benar-benar memerlukan.

DBKL sentiasa memberi penekanan kepada penyediaan perumahan yang secukupnya kepada rakyat dalam matlamat menempatkan semula setinggan dan penyediaan kediaman untuk golongan berpendapatan rendah. Dalam proses urbanisasi dan pembangunan yang pesat, golongan berpendapatan rendah tidak diabaikan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff memberitahu demikian, dalam sidang akhbar selepas penyampaian hadiah Pertandingan Street Soccer Peringkat Akhir anjuran Jabatan Pengurusan

Perumahan di Sri Perak Bandar Baru Sentul baru-baru ini.

"Dalam mengatasi masalah kekurangan perumahan awam, kerajaan bersetuju DBKL menumpukan pembinaan rumah kos rendah untuk disewa sahaja kepada orang awam. Dengan adanya kaedah itu diharapkan DBKL akan dapat mengembangkan stok perumahan awam kos rendah untuk disewa kepada golongan yang benar-benar memerlukan," ujar Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff berkata, dalam tempoh dua tahun akan datang DBKL akan membina sebanyak 35,000 unit rumah kos rendah untuk menampung permintaan 70 peratus warga kota yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah, iaitu tambahan kepada 40,000 unit yang dikendalikan oleh DBKL sekarang.

Katanya, Perumahan Awam DBKL menjadi impian warga kota yang berpendapatan rendah menaruh harapan kerana sewa rumah atau flet swasta yang setaraf lebih mahal empat kali ganda

jika dibandingkan dengan sewa rumah pangsa DBKL. Dengan sewa yang rendah iaitu unit satu bilik RM94 sebulan, unit dua bilik RM124 sebulan, sudah tentu ramai orang memasang harapan tinggi untuk menduduki rumah DBKL, bukan sahaja murah, selesa, bersih, terletak di kawasan utama Kuala Lumpur dan keselamatan sentiasa terjamin daripada dihalau oleh tuan rumah, kecuali mereka yang tertunggak sewa/air dan melanggar perjanjian dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Beliau menjelaskan, beberapa langkah diambil untuk menentukan semua golongan rakyat terutama yang miskin mendapat pembelaan yang adil. Dalam proses pembangunan dan urbanisasi yang pesat, rakyat miskin tidak seharusnya dikesampingkan begitu sahaja.

Menurut beliau, DBKL mengemukakan projek perumahan awam untuk rakyat termiskin itu bersesuaian dengan konsep atau kehendak Tabung Perumahan Awam Kos Rendah. Dengan kesungguhan DBKL itu, dijangkakan semua program perumahan yang dirancang dapat dilaksanakan secara berkesan dan lancar.

Bersambung ke m.s. 10



TUAN HAJI SALLEH YUSUP
Pengarah
Jabatan Pengurusan Perumahan

Dalam tempoh lebih 30 tahun DBKL terlibat secara langsung dalam pembinaan rumah kos rendah untuk disewakan atau dijual kepada golongan berpendapatan rendah. DBKL bertanggungjawab menyenggara kira-kira 45,000 unit rumah, termasuk 12,000 unit rumah jual. Ternyata bilangan rumah awam kos rendah yang dibina tidak dapat memenuhi permintaan rumah kos rendah yang terus meningkat. Perumahan Mampu Milik akan terus menjadi isu yang perlu ditangani secara berkesan di samping isu setinggan yang menjadi perhatian pihak kerajaan.

Perpindahan setinggan merupakan projek berterusan DBKL bagi memastikan setinggan sifar menjelang 2005. Kini Kuala Lumpur masih mempunyai kira-kira 25,000 keluarga setinggan atau 125,000 orang penduduk dari 190 buah perkampungan setinggan. Perpindahan setinggan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat berdasarkan projek perumahan rakyat atau rumah kos rendah yang disediakan. Menjelang tahun 2003, kira-kira 35,000 unit rumah kos rendah dijangka siap dan diharapkan masalah setinggan dapat diatasi sepenuhnya.

Pada masa ini, hampir keseluruhan rumah yang disewakan sentiasa dipenuhi dan kurang daripada satu peratus sahaja yang masih kosong. Kekosongan unit ini tidak tinggal lama kerana akan diisi oleh penyewa baru terutama pemindahan setinggan dan mangsa bencana alam. Sebenarnya lebih 70 % daripada penghuni rumah sewa DBKL adalah terdiri daripada penduduk setinggan. Hasrat kerajaan untuk memastikan supaya semua penduduk setinggan akan mendiami rumah yang sah dan hidup dalam keadaan persekitaran yang lebih sihat dan selesa telah diberi keutamaan menyewa rumah awam DBKL.

Malah DBKL banyak menampung permintaan perumahan daripada mereka yang bekerja di sektor swasta dan yang bekerja sendiri. Mengikut Kajian

GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH AGENDA PERUMAHAN AWAM

Sosioekonomi Penyewa Perumahan Awam Kos Rendah menunjukkan penghuni rumah kita terdiri iaitu 42 peratus bekerja dengan sektor swasta sama ada sebagai pemandu, pengawal keselamatan, kakitangan di syarikat swasta, tukang masak, pekerja am dan sebagainya, 45 % bekerja sendiri dan hanya 13 peratus bekerja dengan sektor kerajaan manakala jumlah pendapatan purata isi rumah iaitu pendapatan ketua isi rumah, pendapatan pasangan dan pendapatan sambilan ialah RM 1,748 sebulan dan purata pendapatan ketua isi rumah ialah RM 769 sebulan.

Maklumat sosio-ekonomi juga menunjukkan 94 peratus penyewa rumah awam kita layak untuk terus tinggal iaitu dengan tingkat pendapatan ketua isi rumah dan pasangan tidak melebihi RM 2,000 sebulan. Hanya 6 peratus sahaja tidak layak menduduki rumah kita dan bilangan yang kecil ini tidak membimbangkan pentadbiran kerana mereka akan diberi peluang membeli rumah lain atau berpindah atas pilihan sendiri. Ini bertepatan dengan kriteria pemilihan sewaktu peruntukan rumah dibuat dan menepati tujuan memberi rumah kepada golongan berpendapatan rendah.

Malah keutamaan diberi kepada ibu tunggal, golongan kurang upaya, pesara kerajaan dan bekas anggota tentera, keluarga yang mempunyai bilangan yang ramai tanggungan. Setelah penyewa tinggal dalam tempoh tertentu, keutamaan juga diberi kepada penyewa yang mampu untuk membeli rumah yang dibina oleh pihak swasta sebagai langkah menggalakkan pemilikan rumah sendiri. Proses meningkatkan taraf hidup ini akan dibuat secara berterusan sehingga penyewa yang menyewa rumah awam hanya terdiri daripada mereka yang layak sahaja dan memberi peluang kepada penyewa baru yang masih menunggu untuk menduduki rumah kita.

Sebenarnya petunjuk sosio-ekonomi ini membolehkan kita membuat rumusan bahawa kerajaan telah berjaya membaiki taraf dan kualiti hidup rakyat khususnya penduduk yang mendiami rumah pangsa DBKL. Ia juga dapat merapatkan jurang pendapatan golongan berada dengan golongan tidak berada.

Perubahan yang berlaku ini sudah tentu akan memberikan kestabilan hidup warga kota dan mencapai matlamat Dasar Ekonomi baru dari segi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat melalui penyediaan perumahan awam kos rendah. Usaha meningkat taraf hidup warga kota terutama golongan berpendapatan rendah dan miskin di

bandar akan terus dijadikan agenda penting masa kini dan masa depan. Jabatan Pengurusan Perumahan akan terus mengambil tindakan perlu untuk menentukan sistem pengagihan dan peruntukan rumah awam di jalankan secara adil dan bertanggungjawab.

Saya juga mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua penduduk supaya meneruskan amalan menjaga kebersihan, menjaga harta awam, mengamalkan hidup sihat, menghormati jiran tetangga dan bersedia bekerja secara sukarela dalam kegiatan masyarakat di rumah kita. Amalan Rumah Ku Syurga Ku sentiasa menjadi pegangan kita semua.

BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Haji Salleh bin Yusup

Ketua Editor

Ramly bin Othman

Editor

Zainuddin bin Md. Zain

Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Dolmat Md. Som
Ab Wahab bin Omar

Pembaca Pruf

Azman Hazizi bin Hassanuddin

Pengedaran

Mohd Rushdan bin Mohd Ishak
Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran
Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Peti Surat 11022,

50100 Kuala Lumpur
atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI
Tel. No. 03-26938166 samb. 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat DBKL	- 26916011
Aduan Awam DBKL	- 26934531
Hot Line (24 jam)	- 26911686
Perumahan	26912112
Bhg. Penguatkuasaan Perumahan	- 26938166 samb. 125/126
Pej. Zon 1	- 91734513
Pej. Zon 2	- 92215505
Pej. Zon 3	- 40420340
Pej. Zon 4	- 61886171

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur



Haji Salleh Yusup (dua dari kanan) yang merasmikan mesyuarat agung persatuan penduduk



Penduduk Sentul Fasa III yang menghadiri mesyuarat agung persatuan penduduk

MOHD TAHIR DIPILIH PENERUSI PERSATUAN PENDUDUK

WAN ABDULLAH GHANI

Mohd Tahir Ismail telah terpilih sebagai Pengerusi Persatuan Penduduk Fasa 3 Bandar Baru Sentul setelah menewaskan Mohd Shafie Ismail dengan kelebihan 18 undi dalam mesyuarat agung baru-baru ini. Mohd Tahir mendapat 43 undi dan Mohd Shafie 25 undi.

Timbalan Pengerusi dimenangi oleh Ab Karim Tamby setelah menewaskan Rahim Subuh. Mohd Tauhid Sarum dan Jamaluddin Sharif menang sebulat suara untuk jawatan Setiausaha dan Penolong Setiausaha Mohd Najib Ahmad memenangi jawatan Bendahari selepas menewaskan Aminah Abdullah dan Jamaluddin Kalbi. Pemeriksa kira-kira disandang oleh Jamaluddin Kalbi dan Baskaran.

Ketika ditemui, Pengerusi baru, Mohd Tahir Ismail, memberitahu, persatuan penduduk dengan barisan AJK yang dipilih akan bekerjasama dengan DBKL menyelesaikan masalah yang berbangkit dan menggalakkan perpaduan kaum di kalangan penduduk dalam melaksanakan aktiviti sosial.

"Persatuan penduduk akan cuba menyelesaikan isu hak milik strata yang menjadi igauan penduduk dan masalah kekurangan tempat letak kereta terutama dengan kebanjiran kereta dari luar kawasan kerana pemandunya menggunakan perkhidmatan Star LRT. Penduduk Menara Orkid juga selalu meletakkan kereta di kawasan Blok 21 dan 25 dan di depan pusat masyarakat, akibatnya menyusahkan penduduk di sini meletakkan kenderaan," ujar Mohd Tahir.

"Kita juga memohon jasa baik DBKL mengecat dinding bangunan rumah kediaman yang sudah lusuh, membaiki semula dan mengecat dinding pusat masyarakat, membaiki atau mengganti antena televisyen bagi mendapatkan siaran yang lebih terang dan lancar," kata beliau.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan, Haji Salleh Yusup

dalam ucapan perasmian, memberitahu hak milik strata Sentul Fasa 3 dalam proses terakhir yang melibatkan Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Beliau memaklumkan, hak milik strata dikeluarkan kepada penduduk dikehendaki menubuhkan Perpaduan Pengurusan (Management Cooperation) dalam tempoh 30 hari, namun Jabatan Pengurusan Perumahan segera menubuhkan mengatasi masalah yang berbangkit.

"DBKL juga bersedia menyelesaikan masalah kesesakan tempat letak kereta dengan memperkenalkan pelekat kereta yang dapat membezakan kereta penduduk tempatan dengan kereta yang datang dari luar kawasan.

"Apabila penggunaan pelekat kereta dilaksanakan dan papan tanda pelekat kereta dipasang di tempat yang strategik, tindakan penguatkuasaan boleh diambil pada bila-bila masa ke atas kereta tanpa pelekat dan kereta yang datang dari luar kawasan. Mereka tidak lagi boleh berleluasa meletakkan kereta ikut suka hati di Sentul Fasa 3," ujar Haji Salleh Yusup.

Beliau memberitahu DBKL akan melakukan baikpulih pusat masyarakat dengan kadar segera demi kesejahteraan penduduk setempat melaksanakan program sosial. Dengan adanya dewan yang selesa memudahkan penghuni menjalankan aktiviti dan sebagainya.

Beliau juga mengingatkan penduduk supaya menjelaskan yuran perkhidmatan supaya tidak tertunggak. Jika tertunggak melebihi tiga bulan tindakan penguatkuasaan boleh diambil seperti kunci (clamp) bekalan air. Setakat ini Sentul Fasa 3, yuran perkhidmatan tertunggak lebih RM300,000 dan berharap persatuan penduduk dapat bekerjasama memberi penjelasan kepada penghuni supaya menjelaskan tunggakan.

"Pengerusi-pengerusi dan Ahli Jawatan Kuasa Persatuan Penduduk perlu bertindak

secara proaktif bagi memastikan keselesaan tempat tinggal dinikmati bersama. Di samping itu, persatuan juga diharap dapat memastikan institusi keluarga, kumpulan remaja dan belia, suri rumah, ibu bapa, warga tua serta golongan istimewa di Perumahan Awam DBKL terlibat secara langsung dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan setempat yang dijalankan secara bersama dengan pihak pentadbiran Jabatan Pengurusan Perumahan," ujar Haji Salleh Yusup.

Tambah beliau, sesungguhnya Persatuan Penduduk sebagai persatuan yang diiktiraf oleh DBKL sewajarnya berganding bahu dan seiring langkah bekerjasama mengadakan program atau aktiviti demi kebaikan warga Perumahan Awam DBKL. Sememangnya terdapat beberapa persatuan yang kurang bersefahaman antara satu sama lain dalam merangka atau melaksanakan sesuatu program sehingga menimbulkan keadaan renggang antara penduduk dan masalah ini dapat diatasi demi kebaikan semua pihak.

"Kita juga sering mendengar kawasan-kawasan rumah pangsa mempunyai beberapa masalah-masalah yang dikaitkan dengan gejala dan penyakit sosial seperti penagihan dadah, lepak, gangsterism, pergaulan bebas dan sebagainya. Imej-imej yang tidak baik seperti ini bertambah gawat lagi dengan adanya kes-kes tidak menghayati konsep kejiranan seperti pergaduhan antara jiran, tidak menghormati atau menimbulkan kacau ganggu kepada jiran, sikap tidak peduli sesama jiran dan sebagainya," ujar Haji Salleh Yusup.

"Persatuan-persatuan Penduduk dianggap sebagai 'mata dan telinga' kepada Jabatan Pengurusan Perumahan untuk sama menjaga keselamatan dan kesejahteraan bukan sahaja kawasan Perumahan Awam DBKL tetapi juga kebajikan penghuninya. Oleh itu, JPP amat menghargai sumbangan idea, cadangan dan kritikan yang membina dari semua persatuan-persatuan di kawasan Perumahan Awam DBKL," katanya.